

# Sejarah Pelaksanaan Undang-Undang Islam Di Pulau Pinang

Mardiana Abd. Rahim,  
Mazlipah Ibrahim,  
Mohd. Nawawi Mohd. Nordin PhD,  
Mohd. Razip Samian PhD,  
Munirah Ghazali dan  
Wan Nadiah Wan Abdullah  
(Universiti Sains Malaysia)

## *Abstract*

*This article is an attempt to survey as well as to evaluate the development of Islam in Malaysia in general and in Penang in particular. The introduction of Charter of Justice I, II and III has somehow affect to the law of land in Penang, i.e. Islamic Law. And then its reviews this development until to the recent years.*

## **Pendahuluan**

Undang-Undang Islam dan Adat Melayu merupakan undang-undang asas atau undang-undang negeri yang digunakan di negeri-negeri Melayu sebelum masuknya pengaruh kerajaan Inggeris. Ianya merangkumi semua bidang termasuklah Undang-undang Keluarga, Undang-undang Jenayah, Undang-undang Tanah, Undang-undang Mal dan Undang-undang Acara dan Keterangan.

Dengan kedatangan pengaruh British di Tanah Melayu, keadaan yang ada ini telah berubah. Perjanjian telahpun dibuat antara Raja-raja Melayu dengan pihak Berkuasa British dan bersetuju menerima nasihat serta pandangan British dalam semua bidang kecuali Agama Islam dan Adat Melayu. Namun demikian, tafsiran terhadap Agama Islam adalah begitu sempit yang hanya berbentuk amalan kekeluargaan peribadi semata-mata tanpa melibatkan jenayah, tanah, mal atau sebagainya.

Usaha-usaha ke arah mendaulatkan Islam sebagai agama yang meliputi semua aspek kehidupan hanya mula dilaksanakan setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Walaupun Islam masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya di Malaysia, usaha-usaha telah dilakukan untuk mengembalikan Islam sebagai agama yang mencakupi semua aspek kehidupan. Antara perkara-perkara yang telah diperkenalkan termasuklah sistem Perbankan Islam, *ar-Rahn* (gadaian), Sistem Kekeluargaan, Acara Mal, Keterangan Islam dan Acara Jenayah.

### Sejarah Awal Islam di Pulau Pinang

Sejarah awal Pulau Pinang tidak dapat dipisahkan daripada sejarah Negeri Kedah kerana negeri Kedah pada masa dahulu merangkumi daerah-daerah yang sekarang dikenali sebagai Pulau Pinang dan Perlis. Negeri Kedah atau lebih tepat, Utara Tanah Melayu boleh dianggap sebagai negeri yang paling awal menerima kedatangan Islam di Malaysia kerana mengikut laporan orang-orang Cina, Kedah telah menjadi tempat perlawanan saudagar-saudagar Islam dari Canton dalam abad pertama Hijrah (7M). Kemudiannya negeri tersebut muncul dan maju sebagai pusat perdagangan bagi orang-orang Islam dan Cina (Naquib al-Atas, 1966). Walau bagaimanapun, mengikut *Tarikh Salasiah Negeri Kedah*, Kedah menerima Islam dalam tahun 531H (1135M) apabila Raja Kedah yang bernama Derba Raja memeluk Islam hasil dari dakwah yang dilakukan oleh Tuan Shaykh Abdullah dari Yaman:

*“... Maka Tuan Shaykh Abdullah pun masuk mengadap Seri Paduka Maharaja Derba Raja menzahirkan hukum-hukum Islam kepada baginda. Maka Tuan Shaykh Abdullah pun duduk di dalam Negeri Qalha memberi nasihat kepada Seri Paduka Maharaja Derba Raja dan kepada segala menterinya mengikut ajaran Islam. Dengan kurnia Allah swt di atas hambanya, maka telah berimanlah Seri Paduka Maharaja Derba Raja dan segala menterinya ... nama Sultan diubah kepada Sultan Muzaffar Shah dan negeri Kedah sebagai Darul Aman”. (Muhammad Hassan, 1968)*

Berdasarkan sumber-sumber di atas, dapatlah dikatakan mungkin Kedah menerima Islam seawal-awalnya dalam Abad Pertama Hijrah (7M) dan selewat-lewatnya abad ke 13M. Walau bagaimanapun, penerimaan agama Islam secara menyeluruh di negeri tersebut ternyata berlaku setelah ianya ditakluki oleh Melaka pada awal abad ke 15 Masihi (Fatimi, 1963).

Setelah Kerajaan Islam Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511M, pertalian dan perhubungan kerajaan warisan Melaka yang tapaknya berpindah ke Johor Riau masih teguh. Negeri-negeri Melayu masih melaksanakan undang-undang Islam yang dipengaruhi oleh Undang-undang Melaka baik secara langsung ataupun tidak langsung dan berterusan sehinggalah campurtangan Inggeris (Abu Bakar Abdullah, 1986).

Undang-undang Kedah juga tidak terkecuali. Undang-Undang Kedah disalin oleh Kodin bin Komis pada 1311H dan mungkin dilaksanakan pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah, Sultan Kedah yang kesepuluh (1122-1174H). Undang-Undang ini mengandungi 40 fasal yang meliputi bidang-bidang Jenayah, Munakahat, Muamalah, Undang-undang Tanah dan syarat-syarat menjadi raja dan orang besar. Penubuhan dan penetapan hal perundangan Islam di Negeri-negeri Melayu pada keseluruhannya terdapat sedikit kelainan antara satu sama lain. Perbezaan tersebut wujud mungkin kerana dua sebab utama iaitu pertama, kerana tarikh kedatangan Islam ke sesebuah negeri adalah berlainan; kedua, kerana tiap-tiap negeri yang mempunyai kuasa yang tersendiri berhubung dengan hal ehwal agama Islam yang tertakluk di bawah kuasa Sultan atau Raja sebagai ketua agama Islam.

### **Penjajahan British dan Penguatkuasaan Undang-Undang Inggeris**

Pulau Pinang telah dipajak daripada kerajaan Negeri Kedah dalam tahun 1786 oleh Syarikat Hindia Timur (East India Co.) dan selepas itu dalam tahun 1800 kawasan Seberang Perai dipajak pula sebagai kawasan tambahan. Dalam masa 14 tahun itu, penduduk telah bertambah menjadi 10,000 orang terdiri daripada orang-orang Melayu, Inggeris dan India yang berhijrah dari Kedah dan juga ramai peniaga Melayu yang datang dari Kedah dan Seberang Perai.

Pemajakan Pulau Pinang dari Sultan Kedah merupakan permulaan pemakaian sistem Undang-undang Inggeris dan pengeneapan Undang-undang Islam (Purcell, 1965). Penjajah Inggeris menganggap Pulau Pinang pada masa itu belum mempunyai sebarang sistem Undang-undang dan menganggap seluruh Tanah Melayu tidak mempunyai sebarang sistem undang-undang yang teratur dan Undang-undang Islam yang diamalkan adalah dianggap zalim.

Sebagaimana juga tindakan penjajah di Negara-negara Islam yang lain (Anderson, 1976), di Malaysia juga, Inggeris telah mengambil beberapa langkah untuk memperkenalkan agar undang-undang mereka dilaksanakan. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Inggeris ialah melalui keputusan-keputusan yang dibuat oleh hakim-hakim British (Ahmad Ibrahim, 1976). Mereka telah membuat keputusan bahawa Pulau Pinang adalah tanah yang dijumpai (*Newly Settled Territory*) yang bermaksud, negeri yang tidak mempunyai penduduk, kerajaan dan undang-undang (Purcell, 1965). Oleh itu Undang-undang yang diguna-pakai adalah Undang-undang Inggeris.

### **Piagam Keadilan Pertama (Charter of Justice, 1807)**

Pengesahan kepada keputusan yang telah dibuat ini ialah dengan memperkenalkan Piagam Keadilan Pertama (Charter of Justice) pada tahun 1807. Mengikut piagam ini, sebuah mahkamah tinggi ditubuhkan di Pulau Pinang dan menetapkan bahawa undang-undang yang berkuatkuasa di mahkamah ini ialah Undang-undang Inggeris. Undang-undang ini tidak mengandungi akta atau enakmen, cuma sebagai peraturan untuk

menjaga keamanan sahaja. Penduduk tempatan masih mengikut Undang-undang Islam dan adat istiadat tempatan (Clodd, 1948). Tambahan pula kes-kes jenayah yang dibicarakan hanyalah mengenai kesalahan sivil sahaja, sedangkan kes-kes jenayah yang berat dibicarakan di Culcutta. Walau bagaimanapun, telah diputuskan dalam kes "*In the Goods of Abdullah (1835)*" (Abd. Monir, 1985) bahawa Undang-undang Inggeris telah dibawa ke Pulau Pinang melalui Charter 1807 dan oleh itu orang Islam boleh mewasiatkan kesemua hartanya, walaupun ia bertentangan dengan peraturan Islam. Kes ini dengan jelas menunjukkan, pertama, Undang-undang Islam pada mulanya diterima oleh masyarakat Melayu, kedua, Piagam, 1807 memberi kuasa kepada Undang-undang Inggeris di Pulau Pinang, dan ketiga, Piagam tersebut ditafsirkan sebagai meminda Undang-undang yang sedang berlaku, dan ini bertentangan sekali dengan "arahan" yang dihantar kepada Sir George Leith (Bradell, 1931). Menurut hakim Sir Benson Maxwell pula, pulau tersebut tidak mempunyai sebarang kumpulan undang-undang yang diiktiraf (*Lex Loci*). Sebaliknya, kalau dilihat sebelum itu bahawa Light perlu mendapat persetujuan daripada Sultan Kedah untuk menguasai Pulau Pinang, ini menunjukkan dengan jelas *de jure* Pulau tersebut di bawah kekuasaan Sultan Kedah walaupun baginda *de facto* tidak tinggal di pulau tersebut. Oleh itu sudah pasti undang-undang pulau itu adalah Undang-undang Kedah (*Lex Loci*).

### **Piagam Keadilan Kedua (1826) & Ketiga (1855)**

Piagam Keadilan Kedua, 1826 dan Ketiga, 1855 telah diluluskan bagi menyelaraskan penguatkuasaan Undang-undang Inggeris ke atas ketiga-tiga buah Negeri Selat (Melaka, Singapura dan Pulau Pinang). Secara keseluruhannya, walaupun Undang-undang Inggeris digunakan sepenuhnya dan Piagam Keadilan Ketiga menjadi asasnya, bukanlah semua undang-undang ini dijalankan sekiranya ianya bertentangan dengan agama mengikut tafsiran mereka dan adat istiadat tempatan. Ini seperti perkara yang berhubung dengan undang-undang keluarga, soal perkahwinan dan penceraian.

Mengikut sejarah Pulau Pinang, masyarakat Islam di negeri ini diberi kuasa memilih seorang kadi untuk menjalankan tugas berkaitan hal ehwal agama, dan Gabenor mengeluarkan surat tauliah kepada kadi bagi membolehkannya menjalankan tugas tersebut. Selain dari itu kadi boleh melantik beberapa orang penolongnya. Hal-hal berkaitan dengan kewajipan agama dalam pengertian yang sempit di dalam masyarakat kecil (*qaryah*) adalah dikelolakan oleh pegawai masjid. Adakalanya kerajaan Inggeris akan turut campur tangan dalam sesetengah perkara berkaitan dengan perkara-perkara tersebut walaupun pada awalnya pengurusan hal ehwal agama Islam diserahkan kepada kadi; antaranya seperti hal perbicaraan harta pusaka orang Islam biasanya dijalankan di Mahkamah Sivil.

Perkahwinan dan penceraian orang Islam yang diuruskan oleh kadi adalah sah di Negeri-negeri Selat, tetapi hendaklah didaftarkan. Perkara ini termaktub dalam peraturan yang dibuat oleh Inggeris dalam "*The Mohamedan Marriage Ordinance 1880 (No. 5 of 1880)*" yang merupakan legislasi paling awal dalam Negeri Selat (Mahmood Zuhdi dan

Raihanah, 1989). Ordinan ini juga mengatur pembahagian harta dalam kes kematian orang Islam (Ahmad Ibrahim, 1993). "*The Mohamedan Marriage Ordinance, 1880 (no. 5 of 1880)*" telah beberapa kali mengalami pindaan, iaitu pada tahun 1920 dan 1923 sehingga diluluskan sebagai undang-undang baru iaitu "*The Mohamedans (Amendment Ordinance, 1936)*". Ordinan ini membolehkan Gabenor melantik seorang pegawai British sebagai Pendaftar Nikah orang-orang Islam, dan Mufti sebagai penasihat dalam urusan tersebut. Undang-undnag ini terus dipakai di negeri-negeri Selat amnya dan Pulau Pinang khususnya, sehingga Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang 1959 dilaksanakan. Satu-satunya pindaan sebelum tarikh tersebut ialah pada 1952, yang menukar "*Mohamedan*" kepada *Muslim* dan "*Mohamedan Law*" kepada *Law of Islam*.

Walaupun pada mulanya Undang-undang Inggeris diperkenalkan di Pulau Pinang, akhirnya ia telah mempengaruhi negeri-negeri Melayu lain. Ini dapat dibuktikan dengan adanya "*The Civil Law Enactment 1937*" dan diperluaskan bidangnya ke seluruh negeri-negeri Melayu dengan "*The Civil Law (Extension) Ordinance 1952*" (Abdul Monir, 1985). Setelah itu ia dikenali sebagai "*The Civil Law Ordinance 1956*" dan perundangan ini terpakai hingga ke hari ini. Dengan ordinan ini Undang-undang Inggeris bertambah kukuh sementara undang-undang Islam semakin tercabar dan terpisah kerana mahkamah-mahkamah di Malaysia (tidak termasuk Mahkamah Syariah) akan menjalankan undang-undang Inggeris (*common law and equity*).

Tindakan Inggeris ini mendapat sokongan dari Sultan-sultan yang sentiasa direstui oleh Inggeris bagi mengekalkan kekuasaan tradisional dan menguatkan susunan sosial mereka. Mereka bersatu melahirkan satu bentuk pentadbiran dan undang-undang Islam yang selari dengan kehendak mereka dan Sultan diberi kuasa sebagai ketua agama dalam institusi ini untuk sekadar menyatakan bahawa Sultan tidaklah kehilangan kuasa langsung dalam semua pentadbiran.

Kebangkitan umat Islam menentang campurtangan British terutamanya apabila Inggeris bertindak memperkenalkan undang-undangnya dan mengenyepikan undang-undang Islam wujud, tetapi tidak dapat dibuktikan berlaku di semua negeri. Pada umumnya, penentangan ini dipimpin oleh tiga golongan iaitu golongan istana dan bangsawan seperti di Naning (1831 - 1832M), di Perak (1874 - 1875M) dan di Pahang (1891 - 1895M). Kedua, dipimpin oleh golongan bangsawan dan ulamak seperti di Pasir Putih, Kelantan (1915) dan ketiga, dipimpin oleh ulama dan rakyat seperti di Terengganu (1922 - 1928).

## **Era Pasca Perang Dunia Kedua**

Selepas Perang Dunia Kedua, kerajaan Inggeris menubuhkan satu badan iaitu: "*The Muslim Advisory Board Penang*" yang bertujuan untuk memberi nasihat kepada Kerajaan Inggeris mengenai hal orang-orang Islam termasuk segala peraturan dan undang-undang yang hendak diluluskan. Namun begitu, nasihat dan cadangan daripada badan ini tidak semestinya diikuti oleh pemerintah Inggeris. Pengerusi badan ini adalah

seorang Inggeris. *The Muslim Advisory Board Penang* kemudiannya diganti dengan *Muslim Religious Council*.

Selama pendudukan British, kuasa legislasi berada pada Dewan Negeri dan Dewan Federal yang dikuasai oleh pegawai British, meskipun ras Melayu dan yang lain mempunyai wakil-wakil mereka dalam Dewan tersebut. Jurisdiksi dan kekuasaan Pengadilan Syariah adalah terbatas, sementara Pengadilan Sivil semakin kuat dan bertambah tinggi. Manakala dalam perkara-perkara seperti kes jenayah, keterangan acara jenayah, kontrak dan tanah, perundangan adalah berdasarkan prinsip Undang-undang Islam dan Adat Melayu. Pengaruh Inggeris bukan sahaja melibatkan sistem undang-undang, bahkan sistem pentadbiran mahkamah juga turut dikuasai oleh Inggeris. Ini jelas dilihat kepada sistem pentadbiran mahkamah yang meletakkan Mahkamah Syariah lebih rendah tarafnya daripada Mahkamah Sivil. Keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah juga boleh dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi.

### **Zaman Pemerintahan Jepun**

Semasa pemerintahan Jepun, *Muslim Religious Council* tidak menjalankan tugas sehinggalah apabila Jepun menyerah kalah, dan ia telah dihidupkan semula dengan orang Islam dilantik sebagai pengerusinya.

### **Pembentukan Perlembagaan Persekutuan**

Di dalam usaha memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu, Inggeris telah memperkenalkan sistem demokrasi berparlimen bagi membolehkan pilihanraya diadakan. Satu suruhanjaya yang dipengerusikan oleh Lord Reid telah ditubuh untuk menyediakan satu perlembagaan yang berdasarkan kepada sistem demokrasi berparlimen.

Parti Perikatan di dalam memorandumnya telah mencadangkan supaya penubuhan negara ini berdasarkan konsep sekular sebagaimana yang dinyatakan dalam Syarat-syarat Am memorandum tersebut:-

*“Agama bagi Malaya itu hendaklah Agama Islam. Pengakuan dasar ini tidaklah akan bermakna sebarang tegahan di atas warganegara yang bukan Islam pada menganut dan membuat ibadat mengikut agama masing-masing dan tidaklah akan membawa pengertian bahawa negara ini bukannya sebuah negara keduniaan” (Arkib Negara, 1956).*

Cadangan ini memberi makna konsep penubuhan negara ini hendaklah berasaskan konsep sekular iaitu pemisahan antara agama dan negara. Pemerintahan dan pentadbiran serta undang-undang negara janganlah berpandukan kepada undang-undang Islam (Mohd. Salleh, 1968).

Cadangan Parti Perikatan mengenai kedudukan agama Islam sebagai agama negara ditentang hebat oleh Raja-raja Melayu, kerana mereka bimbang kedudukan mereka sebagai ketua agama akan hilang; apabila negara yang terbentuk nanti mempunyai seorang ketua negara yang akan menjadi ketua agama Islam bagi seluruh Persekutuan. Walaubagaimanapun, Raja-raja Melayu bersetuju menerima cadangan tersebut setelah Parti Perikatan menerangkan bahawa cadangan tersebut tidaklah menggugat kedudukan Raja-raja sebagai ketua di negeri masing-masing, dan tujuan cadangan tersebut adalah untuk upacara-upacara rasmi dilakukan mengikut Islam.

Perlembagaan ini dikuatkuasakan dengan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang ditandatangani di antara Pesuruhjaya Tinggi British bagi pihak Queen dengan Raja-raja Melayu yang diadakan pada 5 Ogos 1957. Hasilnya ialah penubuhan Negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu mulai 31 Ogos 1957, dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, Melaka dan Pulau Pinang. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu kemudiannya menjadi Perlembagaan Malaysia setelah Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963. Pembentukan Perlembagaan Malaysia sebagai undang-undang tertinggi dan sumber undang-undang telah mengekalkan undang-undang Inggeris sebelum dan sesudah merdeka untuk dilaksanakan sebagai undang-undang Malaysia, sebaliknya memperkecilkan kedudukan undang-undang Islam.

Di bawah perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, hanya perundangan Persekutuan yang mempunyai kuasa membuat undang-undang untuk: 1) menubuhkan mahkamah, 2) menentukan bidang kuasa dan kuasa kesemua mahkamah kecuali Mahkamah Syariah. Perlembagaan ini mewujudkan perbezaan antara mahkamah sekular dan mahkamah Syariah (Hooker, 1984). Telah diputuskan bahawa Mahkamah Syariah harus berada di bawah kawalan Majlis Agama Negeri yang diketuai oleh Sultan atau Yang DiPertuan Agong sebagai ketua agama Islam. Walaupun Sultan adalah ketua agama Islam, Majlis Agama menasihati baginda berkenaan pentadbiran undang-undang Islam di negeri masing-masing (Abd. Razak, 1985).

Selepas kemerdekaan, Pulau Pinang tertakluk di bawah Perlembagaan Malaysia dengan Yang DiPertuan Agong sebagai Ketua Agama Islamnya kerana negeri ini tidak mempunyai raja. Mengikut Perlembagaan Pulau Pinang, Majlis Mesyuarat Negeri hendaklah menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai untuk menasihatkan Yang DiPertuan Agong mengenai hal ehwal Agama Islam. Lembaga Penasihat Agama Islam telah lama diwujudkan sebelum penubuhan Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai. Antara lain Lembaga ini berfungsi sebagai penasihat dan bertanggungjawab terhadap hal ehwal Agama Islam bagi Negeri Pulau Pinang. Antara tugas lain yang dijalankan oleh Lembaga ini ialah mengkaji dan mengesyorkan supaya suatu badan yang bertanggungjawab sepenuhnya mengenai hal ehwal agama Islam ditubuhkan.

Berikutan dengan itu satu Jawatankuasa telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam tahun 1955 untuk mengkaji penubuhan Majlis Agama Islam.

Memandangkan beberapa pergolakan yang timbul dalam usaha-usaha ke arah mencapai kemerdekaan, usaha-usaha ke arah penubuhan ini berjalan agak perlahan.

Setelah negara mencapai kemerdekaan, satu Jawatankuasa Khas dilantik oleh kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa ini telah mengkaji dari semua aspek ke arah penubuhan Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) dan Seberang Perai, dan akhirnya telah bersetuju dan mengesyorkan supaya Undang-undang untuk penubuhan Majlis Agama Islam diadakan. Berkat kegigihan ahli-ahli Jawatankuasa Khas ini berserta dengan kerjasama Kerajaan Negeri, maka pada 15 April 1959, satu Undang-undang Majlis Agama Islam Pulau Pinang ditubuhkan. Walaupun undang-undang ini telah diluluskan, namun perlaksanaannya adalah secara berperingkat-peringkat. Pada 1 Januari 1960, DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Kedua, telah memperkenankan perlantikan barisan kepimpinan Majlis Agama Islam antaranya:

Yang Dipertua Majlis	-	Tuan Haji G.M. Yusoff
Mufti Pertama	-	Tuan Haji Abdullah Haji Ibrahim
Setiausaha	-	Tuan Haji Ali Rouse

Pada 28 Julai 1960 bersamaan 4 Safar 1380H, Majlis Agama Islam telah dirasmikan dan diisytiharkan oleh T.Y.T Gabenor Negeri Pulau Pinang yang pertama, Almarhum Raja Tun Uda bin Raja Muhammad.

Fungsi utama Majlis Agama Islam Pulau Pinang mengikut Undang-undang No. 3 Tahun 1959 (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Tahun 1959) adalah seperti berikut:

**Seksyen 4** Menasihati ke bawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong di dalam perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan Agama Islam di dalam negeri Pulau Pinang.

**Seksyen 7** Boleh membuat perjanjian dan boleh juga memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan memilik akan harta benda yang boleh dialih dan yang tidak boleh dialih daripada sebarang jenis. Majlis Agama Islam juga boleh menukar, memberi, menyerah dan melepaskan, mencagar, menggadai, mewasiat, memberi semula, memindah atau dengan lain-lain cara memisah atau menyelenggarakan sebarang harta benda yang boleh dialih atau yang tidak boleh dialih yang terserah milik kepada Majlis mengikut hukum syarak.

**Seksyen 8** Berkuasa menjadi wali atau penguasa harta pesaka seseorang yang mati atau sebagai nazir bagi mana-mana amanah.

**Seksyen 101** Mempunyai kuasa memungut bagi pihak Yang DiPertuan Agong akan zakat fitrah yang kena dibayar di dalam negeri ini mengikut hukum syarak.

**Seksyen 105** Pemegang amanah tunggal bagi semua masjid di dalam negeri ini.



### *Sejarah Pelaksanaan Undang-undang Islam Di Pulau Pinang*

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) telah ditubuhkan dalam tahun 1959 berikutan penubuhan Majlis Agama Islam berdasarkan tujuan berikut:

- a) Mentadbir dan memastikan hal-hal bersangkutan dengan Agama Islam dalam Negeri Pulau Pinang menurut Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Tahun 1959 sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri yang perlu menitikberatkan hal ehwal Agama Islam seperti yang termaktub di dalam Bahagian 1 Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Adalah menjadi tugas Jabatan ini untuk meninggi dan mengembangkan syiar Islam yang dapat diterima dan seterusnya diamalkan oleh masyarakat Islam, khususnya supaya kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara ini terjamin dan terpelihara.
- b) memberi khidmat kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai yang ditubuhkan untuk menasihati Yang DiPertuan Agong di dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan Agama Islam.

Perkaitan antara kedua badan ini ialah, MAIPP berperanan menggubal dasar berkaitan hal ehwal Agama Islam di Pulau Pinang manakala JAIPP pula melaksanakan dasar-dasar yang telah digariskan oleh MAIPP.

### **Kedudukan Undang-undang Islam di Pulau Pinang Masakini**

Setiap negeri mempunyai undang-undang pentadbiran agama Islam untuk negeri berkenaan. Di Pulau Pinang, undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1959 telah dimansuhkan dan diganti dengan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1993. Bidangkuasanya tertakluk kepada peruntukan yang tercatat di dalam Jadual 9, Senarai 11 (State List), iaitu:

- i. Undang-undang kekeluargaan, seperti kahwin, cerai dan nafkah,
- ii. Pusaka, wasiat, pemberian,
- iii. Zakat fitrah,
- iv. Baitulmal,
- v. Hukuman ke atas kesalahan yang menyentuh kesucian agama dan lain-lain.

Mahkamah yang mengendali kes-kes yang berhubung dengan perkara-perkara tersebut ialah Mahkamah Syariah. Mahkamah Sivil juga ada bidangkuasa untuk membicarakan kes-kes tertentu seperti kes harta dan penjagaan anak, dan mahkamah ini mempunyai kuasa pembatal ke atas keputusan Mahkamah Syariah dalam perkara tersebut (kes Nafisah lwn Abd. Majid, 1969; MLJ 174).

Semenjak tertubuhnya MAIPP (1959), Kerajaan Pulau Pinang telah meluluskan beberapa peraturan dan Undang-undang iaitu:-

- i. Undang-undang Pentadbiran Agama Islam, Pulau Pinang, No. 3, 1959 (mansuh)
- ii. Peraturan-peraturan Fitrah Negeri Pulau Pinang, 1962.

- iii. Peraturan Jawatankuasa Kariah, 1972.
- iv. Peraturan-peraturan Pungutan Zakat dan Fitrah Pulau Pinang, 1972.
- v. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang, 1985.
- vi. Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam Negeri Pulau Pinang, 1989.
- vii. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang, 1996.
- viii. Enakmen Keterangan Syariah Negeri Pulau Pinang, 1996.
- ix. Enakmen Acara Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang, 1996.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1985 (No. 2 of 1985) sedikit sebanyak meminda perkara-perkara yang bercanggah dengan Islam, dengan merujuk kepada undang-undang keluarga Islam. Ia sekarang mengandungi perkara-perkara pertunangan, perkahwinan (termasuk pendaftaran dan pembubaran perkahwinan), nafkah, penjagaan anak, *fara'id* dan warisan.

Walaubagaimanapun, masih terdapat banyak kesalahan dan hukuman di dalam undang-undang pentadbiran hukum syarak yang terdapat di Malaysia amnya dan Pulau Pinang khasnya, yang masih bertentangan dengan undang-undang Islam. Antaranya ialah mengenai perbuatan zina, membeli, menjual atau meminum arak; mendirikan masjid tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis Agama dan mengajar agama tanpa tauliah. Contohnya, untuk kes zina, hukuman yang dikenakan sekarang ialah penjara tidak lebih daripada 6 bulan dan denda tidak lebih daripada RM1000.00, sedangkan dalam undang-undang Islam, hukumannya ialah direjam atau disebat 100 kali di hadapan khalayak ramai.

Sekiranya diperiksa artikel-artikel yang dirujuk dalam Perlembagaan Persekutuan dan senarai undang-undang serta enakmen, negeri-negeri diberi kuasa untuk meluluskan undang-undang Islam, undang-undang peribadi dan undang-undang keluarga tetapi tiada peruntukan dibuat supaya negeri-negeri mempunyai kuasa untuk meluluskan undang-undang ke atas undang-undang jenayah, komersial atau undang-undang perihal Islam. Undang-undang ini juga hanya untuk dikuatkuasakan ke atas orang Islam sahaja, tidak dilaksanakan ke atas orang bukan Islam.

Undang-undang Inggeris pula dijalankan di mahkamah-mahkamah awam dan dikenakan ke atas semua orang sama ada Islam atau bukan Islam. Bidang kuasanya mengatasi Mahkamah Syariah, malah apabila berlaku percanggahan antara undang-undang Islam dan undang-undang Inggeris, di dalam kes yang melibatkan orang Islam, maka Undang-undang Inggeris terpakai seperti di dalam kes *Ainan vs Syed Abu Bakar* (1939) dan *Martin vs Ummi Kalsum* (1963) (*Abu Bakar*, 1986).

Dari segi skopnya pula, meski pun terdapat perubahan ianya lebih cenderung untuk memperbaiki pentadbiran mahkamah daripada meningkatkan status Undang-undang Keluarga dan mengembalikannya seperti asal yang meliputi ke semua

peruntukan yang ada dalam *fiqh munakahat*. Sejauh ini dapat dikatakan bahawa tidak ada rancangan mewujudkan undang-undang yang dibuat dengan berdasarkan sepenuhnya kepada Al-Quran, Sunnah dan teks Syariah yang lain.

## Rujukan

- Abdul Monir Yaacob (1985) "Undang-Undang Islam di Malaysia," dlm. *Intisari Perkembangan Perundangan Islam*. ed. Abdul Monir Yaacob.
- Abdul Razak Ismail (1985) "Administration of Islamic Law in Malaysia & The Syariah Court," *Islamic Law Seminar*. Malaysia Bar Council, KL 9/2/95.
- Abu Bakar'Abdullah (1986) *Ke Arah Perlaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya*. Pustaka Damai.
- Ahmad Ibrahim (1976) "Kedudukan Undang-undang Islam Dalam Masyarakat Melayu" Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Anjuran PMUKM*, 1976.
- Ahmad Ibrahim (1993) "Perkembangan Konflikasi", dalam "*Perkembangan Undang-undang Islam di Asia Tenggara*" ed. Sudirman Tebba.
- Anderson, N. (1976) *Law Reform in The Muslim Worlds*. Tyhe Athlone Press, London.
- Arkib Negara (1956) *Fail sulit UMNO/SUA 108/56 bil. 806, bertarikh 14/4/1956 dan 15/10/1956*.
- Bradell, R. (1931) *The Law of Straits Settlement*. Petikan daripada Abdul Monir Yaacob (1985).
- Clodd, H.P (1948) *Malay's British Pioneer Life of Francis Light* (Uzac 7 Co, London) dalam Abu Bakar Abdullah (1986)
- Fatimi S. Q. (1963) *Islam Comes to Malaysia*. Malaysian Social Logical Research Institute Ltd. Singapore.
- Hooker, M. B (1984) *Islamic Law in South Asia*. Oxford Univ. Press.
- Mohammad Nordin Sopiee (1976) *From Malayan Union to Singapore Separation*. Penerbitan UM.
- Mohd. Salleh bin Abbas (1968) *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*. DBP
- Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad (1965) *Tarikh Salasiah Negeri Kedah*. DBP
- Syed Mohammad Naquib Al Attas, (1966) *Preliminary Statement on A General Theory of The Islamization of The Malay-Indonesia Archipelago*. DBP.
- Purcell, V. (1965) *The Memories of A Malaya Official 1965*. Cassell, London
- Zakiah Hanum (1989) *Asal-usul Negeri-negeri di Malaysia*. Times Book International.
- Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid dan Raihanah Hj. Azahari (1989) *Undang-undang Keluarga Islam: Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia*.

**Rujukan Umum**

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang. MAIPP, 1985.

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Majlis Agama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Pulau Pinang, 1993.

Panduan Undang-Undang Am Jilid 1

Undang-undang Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Majlis Agama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Pulau Pinang, 1959.

Ustaz Marzuki, Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam Pulau Pinang: perhubungan peribadi.

Dato' Alizatul Khair Osman Khairuddin, Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang: perhubungan peribadi.